

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2015

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana TNB dapat menangani risikonya dalam usaha menjana bon korporat menerusi sukuk sebanyak RM10 bilion bagi Projek Jimah Power memandangkan penjualan sukuk telah jatuh sebanyak 37% berbanding tahun lalu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terbitan baru setakat suku tahun ketiga berjumlah RM41 bilion adalah lebih rendah berbanding RM62 bilion pada tahun 2014. Sebelum ini, jumlah terbitan tahunan melalui pasaran hutang sekuriti swasta Malaysia adalah pada purata RM70-80

bilion.

Dengan pengurangan terbitan baru di dalam pasaran Ringgit tempatan dan *liquidity* yang mencukupi, TNB menjangka akan ada permintaan yang mencukupi terhadap cadangan terbitan sukuk daripada *Jimah East Power (JEP)*. Sukuk daripada JEP ini disokong oleh TNB sebagai penaja utama projek sebanyak 70%. TNB yakin pihak pelabur menyambut baik kerana sukuk daripada JEP mempunyai kualiti kredit tinggi serta rekod prestasi yang menggalakkan. Pendapat ini juga disuarakan melalui perbincangan dan maklum balas awal daripada pelabur-pelabur berpotensi. Mereka turut menyatakan minat untuk mengambil bahagian di dalam terbitan sukuk JEP pada harga yang berpatutan.

Terdapat beberapa terbitan baru bersaiz besar yang pernah dikeluarkan dalam pasaran Ringgit dan terbukti berjaya pada masa lalu. Contohnya terbitan sukuk pelbagai berjumlah RM30.6 bilion pada Januari 2012 untuk Projek Lebuhraya Usahasama Bhd (diberi penarafan tempatan AAA bersama jaminan Kerajaan) dan terbitan sukuk pelbagai berjumlah RM12.05 bilion pada Disember 2007 oleh Binariang GSM Sdn Bhd (diberi

penarafan tempatan AA3).

Namun begitu, memandangkan keadaan pasaran ekonomi sedunia yang tidak menentu dan impaknya pada pasaran tempatan, TNB mengharapkan sokongan baik semua institusi kewangan dan agensi Kerajaan antaranya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Permodalan Nasional Bhd, Lembaga Tabung Haji, PERKESO, *life insurance* dan pengurus dana untuk memastikan cadangan terbitan sukuk daripada JEP ini diterbitkan dengan jayanya.